

'Saya jaga semua ahli keluarga'

Oleh OMAR ZIN

utusannews@meduamulia.com.my

BERA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob terus memberi jaminan bahawa beliau akan menjaga semua ahli Keluarga Malaysia dengan baik.

Perdana Menteri berkata, jaminan itu diterjemah menerusi penyerahan sejumlah bantuan kepada mangsa banjir yang terbabit dengan bencana tersebut pada hujung tahun lalu.

Katanya, langkah membantu golongan dalam kesusahan menunjukkan semangat kekeluargaan yang tinggi kerajaan yang diterajunya hari ini.

"Keutamaan saya adalah untuk menjaga semua keluarga. Macam dalam satu keluarga, apabila keluarga kita ditimpa kesusahan, tentu kita akan membantu keluarga kita.

"Jadi, semangat itu yang perlu ada, semangat itu yang ada pada kerajaan hari ini.

"Saya sebagai ketua keluarga akan menjaga keluarga kita dengan baik, jadi insya-Allah kita sebagai satu keluarga, kita akan terus bantu-membantu antara satu sama lain apabila berlaku kesusahan," katanya.



ISMAIL SABRI Yaakob menyampaikan Bantuan Pembelian Barangan Keperluan Monsun Timur Laut 2021/2022 Daerah Bera di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera di Pahang, kelmarin. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis penyerahan bantuan pembelian barangan keperluan berjumlah RM2,500 kepada mangsa banjir di Daerah Bera, Pahang.

Katanya, bantuan pembelian barang keperluan ini diharapkan dapat meringankan beban

penduduk yang terjejas akibat bencana banjir berpunca daripada Monsun Timur Laut.